

05 SEP 1997

Mahathir-Bahasa

SEMANGAT NASIONALIS DAN PATRIOTIK TIDAK KURANG JIKA KUASAI BAHASA LAIN

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sesuatu bangsa tidak akan kurang semangat nasionalis dan patriotik jika ia menguasai bahasa lain berbanding nasionalis yang menguasai bahasa sendiri.

Beliau berkata, jika sesuatu bangsa itu terpaksa berjuang untuk menebus maruahnya dengan menguasai bahasa lain dan ilmu yang diterokai dalam bahasa itu, mereka sebenarnya jauh lebih nasionalis daripada mereka yang hanya mampu memekik-mekik semangat kebangsaan sendiri.

"Dalam usaha kita menebus maruah bangsa, amatlah penting kita mengejar ilmu dalam apa juga bahasa. Jika kita perlu menyediakan masa yang cukup untuk maksud ini, maka hendaklah kita sanggup menyediakannya.

"Kerajinan, ketekunan dan kesabaran atau masa adalah perlu untuk menuntut sesuatu. Jika kita berbuat demikian, Insya Allah, kita akan berjaya, kita akan dapat membangunkan bangsa kita, kita akan menjadi tuan yang sebenar kalau itulah idaman kita," katanya dalam ucapan dasar presiden yang bertemakan "Menebus Maruah Bangsa dan Agama" pada Perhimpunan Agung Umno selama tiga hari di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra.

Seramai 1,905 anggota perwakilan dari 165 bahagian Umno di seluruh negara menyertai perhimpunan kali ini. Yang turut hadir, ketua parti-parti komponen Barisan Nasional (BN), tokoh-tokoh korporat dan duta-duta negara asing.

Dr Mahathir, yang hampir pada setiap perhimpunan menyentuh soal bahasa sama ada dalam ucapan dasar presiden atau ketika menggulung perbahasan, berkata kerajaan pimpinan Umno sudahpun menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk mempelajari ilmu dan bahasa-bahasa ilmu.

Bagaimanapun, beliau berkata, terdapat ramai ibu bapa yang mempunyai pandangan lain, termasuk tidak berminat melihat anak mereka mempelajari ilmu yang penting untuk memajukan bangsa dan negara.

"Sebaliknya mereka ingin supaya anak mereka kononnya menghayati semangat kebangsaan Melayu. Mereka tidak memberi galakan kepada anak mereka untuk mengejar bahasa Inggeris, umpamanya, secara serius," katanya.

Perdana Menteri berkata, terdapat juga ramai ibu bapa yang ingin anak mereka menjadi alim dalam bidang agama sahaja.

"Dengan itu, sebahagian daripada kanak-kanak yang berbakat tidak dapat mempelajari ilmu lain yang mereka berupaya menguasai dengan baik," katanya.

Akibatnya, Dr Mahathir berkata, apabila lulus dalam pelajaran agama, anak-anak itu tidak mempunyai banyak peluang untuk bekerja dalam bidang yang berpendapatan tinggi, sekaligus menyebabkan mereka akan berasa kecewa dan mula mengangap masyarakat tidak berlaku adil kepada mereka.

"Dan mereka marah kepada masyarakat terutama orang lain yang belajar dalam bidang lain yang hidup lebih baik daripada mereka. Dan mereka marah kepada kerajaan yang mereka cap sebagai sekular. Di air yang keruh inilah ramai yang akan menanggung," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bukannya tidak memberi perhatian kepada pelajaran agama, malah kemudahan untuk belajar agama adalah jauh lebih baik sekarang berbanding zaman dahulu kerana sesiapa yang ingin belajar agama kini boleh mempelajarinya hingga ke peringkat tertinggi sekali.

"Tetapi apakah akan jadi kepada masyarakat Islam jika ilmu yang ada pada mereka terhad hanya kepada yang berkaitan dengan agama, usuludin dan feqah sahaja. Tidak ada doktor perubatan, jurutera, panglima tentera, ahli

perniagaan dan perusahaan, petani dan orang lain yang penting untuk kesejahteraan masyarakat di kalangan mereka," katanya.

Katanya, negara amat memerlukan lebih ramai golongan terpelajar dalam bidang-bidang ilmu yang boleh menolong Malaysia berjaya dalam saingan dengan orang lain kerana bilangan mereka yang mencukupi itu bermakna kerajaan telah menunaikan fardu kifayah yang juga dituntut oleh Islam.

Dr Mahathir mengakui bahawa komen mengenai pelajaran agama amat sensitif kerana sesiapa yang berkata orang Islam harus belajar ilmu lain daripada agama sudah pasti akan dikecam dan dianggap kurang Islam.

"Umno sebagai sebuah parti politik tidak harus gentar dengan tuduhan bahawa kita tidak mengutamakan Islam. Apabila kita merancang Koridor Raya Multimedia (MSC), kita sebenarnya berusaha untuk menyelamatkan umat Islam dalam zaman yang mencabar sekarang dan akan datang," katanya.

Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan projek MSC boleh disalahgunakan dan menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan kepada masyarakat tetapi beliau yakin jika masyarakat berupaya menguasai teknologi maklumat, soal pengaruh gejala buruk mudah ditangani.

"Memang mudah untuk mencela Koridor Raya Multimedia dengan mendakwa Serambi Mekah adalah lebih baik. Tetapi dakwaan untuk menjadikan negeri Kelantan sebagai Serambi Mekah adalah sesuatu yang sudah lama dibuat," katanya yang jelas merujuk kepada pendapat PAS mengenai MSC yang terletak di kawasan seluas 15x50 km antara Kuala Lumpur City Centre di utara dan Putrajaya di selatan.

Bagaimanapun, beliau berkata, cadangan mewujudkan Serambi Mekah itu hanyalah propaganda politik PAS untuk mendapatkan kuasa sedangkan apa yang dapat dilihat di negeri Kelantan sekarang ialah insiden penyalahgunaan dadah, penyakit Aids dan khalwat berlaku lebih banyak berbanding di negeri-negeri lain. -- BERNAMA

ZAB AH AHH